

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir

20  
SEP

## MINAT TEKNOLOGI NUKLEAR "TERBANGKAN" SHAFUL KE AGENSI TENAGA ATOM ANTARABANGSA VIENNA

VIENNA, AUSTRIA, 20 September 2017 - Minat yang mendalam terhadap teknologi nuklear persekitaran telah mendorong pelajar tahun akhir Teknologi Persekitaran, Pusat Pengajian Teknologi Industri (PPTI), Shaiful Yusuff untuk memohon untuk menjalani latihan industri di Agensi Nuklear Malaysia.

Menurut Shaiful, beliau telah mendapat nasihat daripada pensyarah beliau dari PPTI, Dr. Muhammad Izzuddin Syakir Ishak bahawa peluang untuk mendalami teknologi isotop persekitaran adalah lebih luas untuk diteroka di agensi tersebut.

"Pendedahan selama 6 bulan di bawah seliaan pegawai penyelidik, Roslanzairi Mostapa dalam pembangunan teknologi ini telah memberi inspirasi kepada saya untuk mendalami teknik ini di lapangan.

"Penemuan awal tentang proses methanogenesis melalui kaedah analisis karbon-13 telah menjadi batu loncatan kepada saya untuk dijemput oleh pihak International Atomic Energy Agency (IAEA) sebagai pemerhati dalam mesyuarat teknikal "The 3 Research Coordination Meeting on Application and Development of Isotope Techniques to Evaluate Human Impacts on Water Balance and Nutrient Dynamics of Large River Basins" di Vienna bermula 11 hingga 15 September 2017.

Semasa di ibu pejabat IAEA, Shaiful berpeluang melawat makmal isotop hidrologi untuk melihat sendiri teknologi baru penyelidikan nuklear persekitaran dalam konteks global dan kini dia secara tidak langsung juga bekerjasama dengan penyelidik dari Belgium, Dr. David Soto Arrojo untuk membangunkan sistem penyediaan sampel karbon-13.

Pembangunan protokol ini membolehkan sampel lokal dianalisis di USM, justeru menjadikan analisis karbon-13 lebih kos efektif dan projek ini adalah di bawah seliaan Dr. M.I. Syakir iaitu Ketua Penyelidik kajian aplikasi isotop stabil persekitaran untuk penilaian impak alam sekitar di lembangan sungai-sungai di Malaysia. Untuk rekod, projek ini mendapat pembiayaan pihak IAEA selama 4 tahun.

Tambah Shaiful lagi, pendedahan di peringkat antarabangsa menjadikan beliau lebih berkeyakinan tidak hanya dalam aspek akademik dan penyelidikan tetapi aspek yang tidak ternilai pada beliau iaitu peningkatan estim diri yang sukar untuk diungkapkan.

Pendedahan ini juga telah meningkatkan iltizam beliau untuk meneroka penyelidikan isotop persekitaran di peringkat yang lebih tinggi.



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>).

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015